



Bahagian A**[30 markah]***Soalan ini mesti dijawab.**Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan kerjaya.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **persediaan-persediaan** menceburi alam kerjaya.**Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.***KERJAYA
DI MALAYSIA****KELAYAKAN AKADEMIK****Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)****Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)****Diploma****Ijazah****KEMAHIRAN KOMUNIKASI TUNTUTAN
UTAMA SEMUA JENIS PEKERJAAN**

Dalam persaingan dunia kerjaya yang semakin mencabar, setiap pekerja harus memiliki kemahiran komunikasi berkesan. Kemahiran ini penting bagi memastikan kelancaran urusan kerja sama ada sesama rakan sekerja mahupun dengan pihak luar.



BAHAGIAN B*[70 markah]**Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1.

Terdapat kebimbangan mengenai masa depan seni kraf tangan tempatan kerana segelintir masyarakat mengagung-agungkan seni kraf tangan luar sebagai sumber inspirasi. Dengan ini, pelbagai langkah perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memajukan kraf tangan tempatan seperti menganjurkan program latihan kraf tangan, mempromosikan produk kraf tangan dan memperkasa penglibatan aktif generasi muda.

Sumber : www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan peranan pihak kerajaan untuk memajukan industri tersebut.

2

Perkembangan sains dan teknologi telah memberikan impak besar terhadap kesusasteraan Melayu sehingga karya sastera semakin terpinggir. Hal ini disebabkan kurangnya minat membaca karya sastera seperti cerpen dan novel dalam kalangan remaja pada masa ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Wilayahku, 8 April 2025

Sebagai respons daripada petikan di atas, bincangkan usaha-usaha untuk menggalakkan remaja membaca karya sastera.

- 3 Sistem pembayaran tanpa wang tunai menjadi pilihan sebilangan besar masyarakat kini kerana urusan perbelanjaan lebih mudah dan selamat untuk digunakan. Sistem ini yang menggunakan alat pembayaran elektronik seperti kad kredit, kad debit, e-dompet atau kod QR juga membolehkan seseorang mengurus kewangan secara bijak.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan manfaat-manfaat sistem pembayaran tanpa wang tunai.

- 4 Sebagai negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, Malaysia memiliki pelbagai busana tradisional yang menjadi identiti sesuatu bangsa. Namun begitu, pengaruh fesyen terkini yang lebih moden menjadi cabaran untuk mempopularkan busana tradisional dalam kalangan generasi muda.

Sumber : Internet

Huraikan cabaran untuk mempopularkan busana tersebut dalam kalangan generasi muda berdasarkan petikan di atas berserta cabaran-cabaran yang lain.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT